



PELANTIKAN PENGERUSI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI BAWAH KPKM

10 MEI 2023 | PUTRAJAYA

Lantikan Pengerusi Badan Berkanun Persekutuan di bawah KPKM adalah berdasarkan pengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk dasar, pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan.

YB Menteri yakin dengan pengetahuan, kredibiliti dan pengalaman yang dimiliki oleh kesemua Pengerusi baharu yang dilantik mampu meneraju dan menggalas amanah serta tanggungjawab dalam menyokong dan memastikan pembaharuan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Tanah diucapkan kepada YB Tuan Muhammad Faiz bin Fadzil yang dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), YBhg. Datuk Wira Haji Mahfuz bin Omar, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), YBrs. Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), YBrs. Dr. Azman bin Ismail, Pengerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan YBrs. Tuan Sheikh Umar Bagharid bin Ali, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) atas lantikan tersebut.



PROGRAM SMART SBB MINI SEKINCHAN MADA-BERNAS

9 MEI 2023 SEKINCHAN MADA-BERNAS

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengaplikasi model dan amalan pertanian baik di Kawasan Muda melalui pelaksanaan Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS merupakan inisiatif kerajaan dalam melonjakkan pembangunan industri padi dan beras negara ke tahap yang lebih baik.

Melalui Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS pendapatan pesawah dapat ditingkatkan sebanyak 15% daripada RM2,000 kepada RM5,000 susulan pengurangan penglibatan orang tengah

Pelaksanaan Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang telah diadakan pada 9 Mei 2023 bertempat di PPK MADA E-1, Simpang Empat Perlis.

BERNAS bertindak sebagai pengurus projek dan penyedia perkhidmatan seperti penggunaan dron, jentanan, pembajak serta penyeliaan penggunaan baja dan racun menerusi pertanian kontrak dengan pesawah yang terlibat.



MAJLIS PERHIMPUNAN & RAMAH MESRA YB KPKM BERSAMA WARGA SEMPENA AIDILFITRI TAHUN 2023

11 MEI 2023 | MAEPS, SERDANG

Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sempena Aidilfitri 2023 telah diadakan di MAEPS, Serdang pada 11 Mei 2023 yang lalu. YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu dan isteri telah hadir pada majlis tersebut selain dihadiri oleh seramai 2000 orang tetamu.



Dengan pelaksanaan program ini, ia dapat memberi impak terhadap pengeluaran hasil padi di Kawasan Muda dan dapat meningkatkan mutu pengurusan ladang sebanyak .

Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan *knowledge, attitude and practice* yang diamalkan oleh pesawah di kawasan penanaman padi Sekinchan, Selangor.

MADA berharap agar program SMART SBB dapat meningkatkan hasil padi daripada 5.89 tan sehektar sebelum ini kepada 8.0 tan sehektar.

Perancangan ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan tahap pendapatan pengeluaran makanan serta tahap sara diri (SSL) beras negara daripada 63% kepada 75% dalam tempoh RMKe-12 dan 80% pada tahun 2030 sekali gus menepati konsep Malaysia Madani iaitu Kemampuan dan Kesejahteraan.

YB Menteri juga turut meluangkan masa beramah mesra dengan anak-anak yatim dari Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras, Selangor serta menyampaikan sumbangan duit raya.

Majlis ini juga turut dihadiri Duta-duta asing, Pengerusi-pengerusi Badan Berkawan Persekutuan dibawah KPKM dan tetamu jemputan.

Para pengunjung disajikan dengan pelbagai jenis hidangan menu raya tradisional dan moden bagi memenuhi selera para tetamu.

Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra ini telah mencipta satu suasana kekeluargaan dan kegembiraan dengan memupuk hubungan baik antara warga KPKM secara keseluruhannya.



MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA MEMPERKUKUH KERJASAMA DALAM BIDANG PERTANIAN BAGI MENJAMIN SUMBER MAKANAN

12 MEI 2023 | PUTRAJAYA

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Chung Hwang-Keun, Menteri Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar, Republik Korea pada 12 Mei 2023 lalu di Putrajaya.

Ini merupakan pertemuan pertama bagi kedua-dua pemimpin. Republik Korea merupakan rakan dagang Malaysia yang sentiasa bergiat aktif dalam memperkuuh hubungan perdagangan pertaniannya.

Kedua-dua negara bersetuju untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan mewujudkan Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertanian selaras dengan Sambutan Ulangtahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur antara Malaysia dan Republik Korea yang diraikan pada tahun ini.

Melalui perjanjian ini, kedua-dua negara bersetuju untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, amalan terbaik dan peluang perniagaan serta cadangan kerjasama dalam bidang keterjaminan makanan dan inovasi teknologi pertanian untuk menangani cabaran sektor pertanian.

YB MENTERI KPKM MENYANTUNI NELAYAN DI MAJLIS JALINAN MESRA MADANI

13 MEI 2023 | KELANTAN



YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merasmikan Majlis Jalinan Mesra MADANI bersama Nelayan di Tok Bali, Kelantan yang diadakan di Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali, Kelantan.

Majlis ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam mendekati masyarakat nelayan khususnya di Tok Bali, Kelantan di samping menyalurkan bantuan bagi meringankan bebanan menghadapi tekanan ekonomi disebabkan peningkatan kos sara hidup dan musibah.

Pada majlis itu beberapa bantuan dan insentif telah disampaikan seperti Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) kepada 611 orang nelayan khususnya dari Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Semerak dan PNK Bachok dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM183,300.00, Bantuan Touchpoint berbentuk *in-kind* iaitu pukat, jaring dan kotak berinsulasi yang bernilai keseluruhan RM20,200.00 kepada 29 orang nelayan, Bantuan Skim Tabung Bencana Alam dan Kebaiakan Nelayan (Khairat Kematian) berbentuk tunai RM1,500.00 dan *food basket* kepada 4 orang penerima setiap seorang, Geran Agropreneur Muda (GAM) kepada seorang nelayan bernilai RM20,000.00.

YB Menteri turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM600,000.00 bagi pembinaan 3 lokasi unjam di negeri Kelantan iaitu di bawah PNK Tumpat, Bachok dan Kota Bharu yang akan memberi manfaat kepada 3785 nelayan.

Projek naik taraf dan baik pulih infrastruktur jeti di Kuala Kemasin, Kelantan juga telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM200,000.00 yang memberi manfaat kepada 150 nelayan dan 80 buah bot.

Majlis turut diserikan dengan perasmian Kilang Air Batu NEKMAT Tok Bali yang telah mula dibangunkan pada 2019 dan mula beroperasi pada Mac 2023 yang lalu dengan nilai berjumlah RM10 juta. Kilang ini berkapasiti 200 metrik tan dan pada masa ini hanya 100 metrik tan yang beroperasi dengan kemampuan mengeluarkan sebanyak 700 blok air batu sehari berukuran 145 kg setiap blok.

LAWATAN KERJA MENTERI KPKM KE PERSEKUTUAN RUSIA

15 - 23 MEI 2023 | RUSIA



YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengetuai delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi lawatan kerja ke Persekutuan Rusia mulai 15 hingga 23 Mei 2023.

Lawatan kerja YB Menteri KPKM ini selaras dengan penyertaan YB Menteri serta delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke 14th International Economic Forum "Russia-Islamic World: KazanForum" 2023.

KazanForum 2023 merupakan acara antarabangsa yang dianjurkan oleh Kerajaan Rusia melalui Kerajaan Republik Tatarstan sejak tahun 2009 sebagai platform bagi memperkuuhkan kerjasama antara Rusia dengan negara-negara Islam.

Melalui ekspo ini, Malaysia dapat meneroka potensi dan peluang mempromosikan buah-buahan tropika yang sedia dieksport serta memperkenalkan produk makanan halal bukan sahaja kepada Rusia malah kepada negara-negara OIC yang turut serta.

Program rasmi YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Moscow diteruskan dengan pertemuan dan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawat iaitu TYT Dmitry Patrushev, Menteri Pertanian Persekutuan Rusia di Bangunan Kementerian Pertanian Persekutuan Russia pada 17 Mei 2023.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua negara menyatakan komitmen untuk mengukuhkan lagi kerjasama dua hala

dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang dijangka dimuktamadkan dalam masa terdekat.

YB Menteri juga mengambil peluang untuk membincangkan tentang bekalan jagung bijian, kacang soya dan bahan asas baja bagi memastikan bekalan input pertanian kekal stabil dan berkualiti. Ia bagi memastikan keterjaminan makanan negara terus diperkuuh.

YB Menteri juga telah dianugerahkan "Medal of Spiritual Unity" oleh Mufti Sheikh Ravil Gaynudin, Mufti Besar Persekutuan Rusia yang merupakan Pengurus Muslim Spiritual Board, Persekutuan Rusia

LAWATAN KERJA YBTM KPKM KE IBU PEJABAT LPNM

16 MEI 2023 | JOHOR BAHRU, JOHOR

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Johor Bahru, Johor.

Menerusi lawatan ini YB Timbalan Menteri telah diberikan taklimat berkaitan halalju industri nanas negara sepanjang RMK-12 yang disampaikan oleh Encik Mohd Khairuzamri bin M. Salleh, Ketua Pengarah LPNM.



Malaysia merupakan negara pengeluar nanas yang ke-22 dan mencatatkan pengeluaran sebanyak 323,047 tan metrik mewakili 1.13% daripada pengeluaran dunia yang berjumlah 28.6 juta tan metrik. Costa Rica merupakan negara pengeluar utama dunia yang mencatatkan 2,938 juta tan metrik.

Bagi segmen pengeksportan, pada tahun 2021 Malaysia merupakan negara ke-28 yang mencatatkan jumlah eksport USD 10.89 juta mewakili 0.25% daripada jumlah eksport nanas dunia berjumlah USD 4.38 billion dan di peringkat ASEAN, Malaysia menduduki tempat ke-5 selepas Filipina, Thailand, Indonesia dan Vietnam.

Sesi diteruskan dengan lawatan ke perusahaan salah satu usahawan di bawah bimbingan LPNM iaitu Tuzra Food Sdn Bhd yang terletak di Jalan Indah 23/4, Taman Bukit Indah, Johor. Syarikat ini mengusahakan perniagaan pembuatan kek dan kiskut dan telah berdaftar di bawah bimbingan LPNM bermula dari tahun 2013.

PROGRAM JUALAN AGRO MADANI @ PELADANG OUTLET DI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN LEDANG TANGKAK, JOHOR

19 MEI 2023 | TANGKAK, JOHOR

Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor telah menganjurkan program Jualan Agro MADANI@Peladang Outlet PPK Ledang Tangkak, Johor. Majlis telah dirasmikan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Jualan Agro MADANI@Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Kawasan Ledang Tangkak ini merupakan satu inisiatif kerajaan dalam membantu rakyat menangani peningkatan kos sara hidup melalui jualan hasil segar dari ladang dan produk industri asas tanah yang dikeluarkan oleh usahawan Peladang dan Pertubuhan Peladang (PP).

Selain itu, Jualan Agro MADANI@Peladang Outlet juga menjadi *platform* untuk memperkenalkan produk-produk agro makanan di bawah jenama Peladang dan membuka peluang kepada usahawan Peladang untuk mempertingkat pengeluaran selain membantu rakyat mendapatkan produk segar pada harga yang berpatutan.

Program ini mampu meningkatkan pendapatan petani melalui pengurangan lapisan perantaraan pasaran menerusi jualan terus kepada pengguna. Usaha KPKM melalui Lembaga Pertubuhan Peladang ini membantu masyarakat di daerah Tangkak Ledang bagi mendapatkan barang keperluan harian pada harga berpatutan dan memberi jaminan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan Kerajaan bagi memastikan ketersediaan dan kecukupan bekalan makanan negara.



INDUSTRI BURUNG WALET JANA EKONOMI NEGARA

19 MEI 2023 | TANGKAK, JOHOR

Industri burung walet merupakan cabang berpotensi dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi membantu menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) kepada RM4.5 billion. Menurut YB Timbalan Menteri KPKM kerjasama kepakaran dalam pelaksanaan, pembangunan dan pengurusan burung walet adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi ahli peladang yang terlibat secara langsung dengan industri burung walet.

Industri walet yang berpotensi meningkatkan pendapatan dengan mengeksport produk walet ke negara China berdasarkan peraturan kesihatan yang ditetapkan kerajaan.

Bagi memastikan produk sarang burung walet berkualiti tinggi dan selamat digunakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa memberi galakan dan nasihat supaya pengusaha melaksanakan amalan perlادangan baik untuk mendapatkan Persijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) di semua rumah burung walet bagi memastikan kualiti yang terbaik dihasilkan.



PENERAPAN INOVASI TERKINI KUNCI PERTANIAN BERHASIL TINGGI

20 MEI 2023 | JOHOR BAHRU, JOHOR



YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan lawatan kerja rasmi selama tiga hari ke negeri Johor mulai 18 Mei sehingga 20 Mei 2023.

Lawatan ini adalah bagi meninjau projek-projek pertanian di bawah seliaan Jabatan dan Agensi KPKM bagi mendapatkan input berkaitan teknologi dan inovasi pertanian terkini selain mengadakan sesi libat urus bersama warga kerja KPKM dan pemain industri di negeri Johor.

Projek Pertanian Moden (PPM) Kluang merupakan projek yang melibatkan peruntukan kewangan di bawah pengawasan terus KPKM yang menempatkan aktiviti pertanian campuran iaitu tanaman, ternakan dan perikanan secara komersial dengan sasaran penerapan teknologi moden.

Penglibatan para pengusaha yang berdaya saing dalam projek ini dijangka dapat membantu meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara serta menjadikan PPM Kluang sebagai salah satu contoh pertanian campuran berskala besar. YB Timbalan Menteri berharap projek ini akan menjadi suatu model projek pertanian bersepadu dan mendorong lebih ramai pengusaha untuk menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti pertanian.

Selain tinjauan ke lokasi pertanian di PPM Kluang, YBTM turut membuat lawatan ke ibu pejabat Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Pejabat MAQIS Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Ledang/Tangkak.

KUNJUNGAN HORMAT OLEH PESURUHJAYA TINGGI AFRIKA SELATAN KE ATAS KSU KPKM

24 MEI 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT David Malcomson, Pesuruhjaya Tinggi Republik Afrika Selatan di Malaysia pada 24 Mei 2023 lalu di Wisma Tani, Putrajaya.

Pertemuan ini bertujuan untuk memperkuuh kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Republik Afrika Selatan dalam bidang pertanian menerusi pengaktifan semula Memorandum Persefahaman antara kedua-dua negara yang telah ditandatangani pada tahun 2007.

Kedua-dua negara juga sentiasa komited dan bersedia untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara dalam sektor pertanian dan agromakanan.

MAJLIS SOLAT HAJAT DAN DOA SELAMAT MERAIAKAN BAKAL HAJI WARGA KPKM TAHUN 1444H/2023M

26 MEI 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Seramai 10 orang bakal haji daripada kalangan warga KPKM telah diraikan melalui Majlis Solat Hajat dan Doa Selamat bertempat di Wisma Tani, Putrajaya. Majlis anjuran Surau al-Kautsar ini dimulai dengan solat hajat dan bacaan Yasin yang dipimpin oleh Ustaz Mat Nasir, dari Unit Integriti KPKM.

Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Lokman Hakim bin Ali, KSU KPKM. Dalam majlis tersebut, Datuk KSU telah menyampaikan amanat dan sumbangan untuk bakal jemaah haji KPKM yang akan berangkat bermula pada 14 Jun 2023.

Kementerian mendoakan semoga semua bakal haji warga KPKM mendapat haji yang mabruq dan dipermudahkan urusan bagi menyempurnakan rukun Islam kelima ini.



SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2023 PERINGKAT KPKM

Kementerian Perpaduan telah menganjurkan Sambutan Minggu Perpaduan 2023 mulai 20 hingga 26 Mei 2023 di seluruh negara.

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Minggu Perpaduan 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyambut baik program ini dengan mengadakan Sudut Info Perpaduan di Lobi Wisma Tani, Putrajaya untuk warga KPKM dan orang awam mendapatkan informasi serta bahan bacaan berteraskan Perpaduan dan Patriotisme.

Selain itu, turut diadakan pertandingan Kuiz Perpaduan yang boleh disertai melalui imbasan QR kod di Sudut Perpaduan di Lobi Wisma Tani, Putrajaya.

SESI KUNJUNGAN HORMAT DEPUTY DIRECTOR GENERAL, PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA (WTO) KE ATAS KSU KPKM

24 MEI 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada Mrs. Angela Paolini Ellard, Timbalan Ketua Pengarah, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 23 Mei 2023 di Wisma Tani, Putrajaya. Mrs. Ellard telah diiringi oleh Encik Hairil Yahri bin Yaacob, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Kunjungan hormat ini diadakan bersamaan dengan kehadiran Mrs. Ellard ke Malaysia bagi menyampaikan ucapan tahniah di *WTO Regional Workshop on Fisheries Subsidies for Government Officials in Asian Region* yang berlangsung di Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur bermula 23 - 25 Mei 2023. Bengkel ini dianjurkan oleh Sekretariat WTO dengan kerjasama MITI bagi membincangkan secara terperinci tentang Perjanjian Subsidi Perikanan.

Sesi kunjungan hormat ini merupakan sebuah *platform* bagi Malaysia dan WTO untuk bertukar pandangan berhubung mekanisme Perjanjian Subsidi Perikanan.

Dalam sesi kunjungan hormat tersebut juga, KPKM dan MITI telah menyatakan aspirasi Malaysia untuk meratifikasi Perjanjian Subsidi Perikanan setelah prosedur ratifikasi domestik dimuktamadkan. Ini termasuklah pindaan ke atas prosedur dan garis panduan yang berkaitan serta mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan untuk memastikan kesediaan Malaysia untuk melaksanakan Perjanjian tersebut.

PROGRAM INKUBASI USAHAWAN TANAMAN MELON MANIS TERENGGANU DENGAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA)

31 MEI 2023 | UNISZA KAMPUS BESUT

Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan disaksikan oleh Tuan Haji Azizi Che Seman, Pengurus Ahli Jemaah Shariah Agrobank, Encik Aminuddin Amenon, Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Encik Rosli Jusoh, Ketua Jabatan Agrobank Centre of Excellent (ACE) serta wakil Agrobank Terengganu dan Kelantan.

Melalui Agrobank Centre of Excellent (ACE), inisiatif ini dapat memupuk minda keusahawanan kepada para usahawan yang terpilih, membimbang mereka mahir dalam pengurusan kewangan, kemahiran pemasaran digital dan perancangan perniagaan. Pada masa yang sama, program berteraskan konsep 'seed funding' oleh Agrobank ini dapat memberi peluang kepada usahawan yang terpilih untuk mempelajari teknik penanaman yang betul selain membantu para usahawan menjana pendapatan.

PERSIDANGAN FINTECH SCXSC GROW

31 MEI 2023 | SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA, KUALA LUMPUR

Persidangan FinTech SCxSC GROW yang telah berlangsung pada 31 Mei yang lalu menyaksikan pertemuan kumpulan pakar industri yang terdiri daripada pembina ekosistem, institusi kewangan dan perniagaan tani, yang memberi inspirasi serta mencabar tradisi dan kelaziman, mengemudi perbualan perniagaan yang kritikal dan mencetuskan diskusi yang bermakna untuk memajukan industri.

Persidangan ini tertumpu kepada sektor pertanian yang bermatlamat meningkatkan kesedaran tentang tren Agtech dan menggalakkan perbincangan mengenai inovasi kewangan yang dipacu oleh teknologi yang sedang muncul dan penyelesaian sektor pertanian.

Melalui pembentangan dan sesi diskusi yang diadakan, Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan turut dijemput untuk membuat pembentangan dalam persidangan berkenaan.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

16 Mei 2023
Moscow, Rusia

Tahniah
YB Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
atas penganugerahan

Medal of Spiritual Unity
oleh
Mufti Sheikh Ravil Gaynutdin
Mufti Besar Persekutuan Rusia yang merupakan Pengurus Muslim Spiritual Board, Persekutuan Rusia

Ikhtis daripada:
PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI **Cukup & Terjamin** www.kpkm.gov.my [f](#) [o](#) [t](#) [g](#) [s](#) [@kpkmmalaysia](#)

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Tahniah
MOHD REDHA ROZLAN
atas pencapaian cemerlang
PINGAT PERAK

CAMBODIA 2023
bagi acara
Obstacle Race - Relay
dengan masa
25.1586 saat

Ikhtis daripada:
PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

www.kpkm.gov.my
[f](#) [o](#) [t](#) [g](#) [s](#) [@mafsmalaysia](#)

Mohd Redha Rozlan adalah pengukuhan di Jabatan Perkhidmatan Khas dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Ahli Pasukan:
1. Yoong Wei Theng
2. Mohd Hafizan
3. Nor Hafiz Sali Alwi
4. Ghilis Mohamad Azimi

MALAYSIA MADANI **Cukup & Terjamin**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

LANGKAH-LANGKAH MENGHADAPI CUACA PANAS

- 1** Petani digalakkan meminim air yang banyak sebelum ke ladang bagi mengelakkan dehidrasi
- 2** Lakukan siraman tambah kepada tanaman
- 3** Menyediakan tadahan air sebagai sumber air tambahan kepada tanaman
- 4** Mencari sumber air bawah tanah melalui Sistem Telaga Tiub (Tube Well) boleh digunakan untuk kawasan utama pengeluaran tanaman
- 5** Menggunakan struktur Control Environment Farming (CEF) iaitu pertanian dalam persekitaran terkawal atau menggunakan kaedah Kilang Tanaman (Plant Factory)
- 6** Menggunakan sungkupan (Mulching) untuk mengekalkan kelembapan pada tanaman
- 7** Pengusaha juga boleh membuat perancangan penanaman dengan mengelakkan penanaman pada cuaca panas

MALAYSIA MADANI **Cukup & Terjamin** www.kpkm.gov.my [f](#) [o](#) [t](#) [g](#) [s](#) [@kpkmmalaysia](#)

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

INISIATIF KPBM MELALUI KADA BAGI TANAMAN PADI MENGHADAPI CUACA PANAS

KADA **Land-based Aquaculture Development Agency**

Memperuntukkan RM 1 juta
bagi mengambil langkah segera untuk membikin pulih pam di Kawasan Kedah dan Selangor. Melalui itu, menyediakan pam mudah alih, bocorworn pam dan pengagihan diesel kepada petani terlibat.

Telah menyediakan 3 pam khas
di Kawasan Sungai Aur Duri (kawasan Kota Bharu Utara), Kg Keling (kawasan Kota Bharu Selatan) dan Sungai Kemasin (kawasan Bachok)

Telah mengagihkan hampir 500 pam
musah alih kepada seluruh petani di dalam kawasan KADA yang berada di bawah mereka akan musnah akibat kemarau

Menyediakan Backwards pam tambahan
dengan jangkaan peruntukan sebanyak **RM50,000**

MALAYSIA MADANI **Cukup & Terjamin**
UKK, KPBM

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KENALI MANGGA HARUMANIS

Bahu Ventral
Paruh Beck
Apiks

PENGUNAAN NAMA:
Nama 'Mangga Harumanis Perlis' adalah hak eksklusif Kerajaan Negeri Perlis setelah pendaftaran jenama dibawah Perbadanan Harta Intelek (myIPO) diluluskan pada tahun 2011

CIRI-CIRI BUAH HARUMANIS

- 1** Buah membulat penuh dan berparuh di bahagian bawah buah
- 2** Warna kulit hijau tua & seakan berdebu
- 3** Bahu Ventral meninggi
- 4** Apiks membulat
- 5** Beraroma harum apabila buah matang dan sesuai dimakan
- 6** Isi berwarna kuning keorenan

Sumber : Jabatan Pertanian Negeri Perlis
www.kpkm.gov.my [f](#) [o](#) [t](#) [g](#) [s](#) [@kpkmmalaysia](#)

MALAYSIA MADANI **Cukup & Terjamin**

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
DATUK LOKMAN HAKIM ALI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KETUA EDITOR:
MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN

EDITOR:
SALMAH BINTI RAMLI
NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN

PENULIS:
SARI NOR AMRIYAH BINTI MUHAMMAD ISA
SAIYASWARY A/P SURNARAYANA

GRAFIK:
NABILLAH BINTI ZAMRI

JURU FOTO:
MOHAMAD YASIN BIN JAMAL
MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

**IDEA, KONSEP &
TERBITAN:**
**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, MAFS**